

07/08/1997

Gambar bersejarah PM dipamer

BERSEJARAH ... satu lagi gambar bersejarah mengenai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, diserahkan kepada Lembaga Kemajuan Langkawi (Lada), semalam.

Gambar itu diserahkan oleh Pengarang Urusan New Straits Times, Zainon Ahmad kepada Timbalan Pengurus Besar Lada, Mohd Puat Mohd Ali.

Ia menunjukkan Dr Mahathir sedang menandatangani sebuah plak marmar ketika merasmikan Pameran Foto NST-Lada pada 28 Julai lalu. Pameran itu diadakan selama 10 hari.

Gambar menarik mengenai Perdana Menteri itu akan disimpan di Galeria Perdana.

(END)